

MIFULIN OINTMENT

Salicylic acid / Zinc oxide (12.5% w/w / 6% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mifulin Ointment
2. Bagaimana Mifulin Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mifulin Ointment
4. Cara menggunakan Mifulin Ointment
5. Semasa menggunakan Mifulin Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mifulin Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Mifulin Ointment

Mifulin Ointment digunakan untuk merawat masalah kulit seperti tompok yang mengelupas atau berminyak (dermatitis seborrheic), kulit merah dan bersisik (psoriasis), kulit yang sangat kering dan menebal (ichthyosis), serta ketuat, dan kawasan kulit keras atau menebal seperti kematu.

Bagaimana Mifulin Ointment berfungsi

Mifulin Ointment mengandungi bahan aktif salicylic acid dan zinc oxide. Salicylic acid membantu dengan melembutkan sel-sel kulit mati dan seterusnya memudahkan pembuangan tompok kulit kasar, ketuat, dan kulit yang menebal. Zinc oxide mengurangkan kerengsaan kulit dan membantu penyembuhannya.

Sebelum menggunakan Mifulin Ointment

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan gunakan Mifulin Ointment jika:
 - anda mempunyai alahan terhadap salicylic acid, zinc oxide, atau sebarang bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)
 - anak anda berumur di bawah 2 tahun.
- Sebelum menggunakan Mifulin Ointment
Mengandung dan menyusukan anak
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau

sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Mifulin Ointment

Bersihkan dan keringkan kawasan yang terjejas. Sapukan Mifulin Ointment pada kawasan yang terjejas dan elakkan daripada terkena kulit sihat di sekelilingnya.

- Berapa banyak harus digunakan
Sapukan lapisan nipis Mifulin Ointment terus pada kulit yang terjejas.
- Bila perlu digunakan
Gunakan dua kali sehari.
- Berapa lama perlu diambil
Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
- Jika anda terlupa menggunakan
Sapu dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapu dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.
- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesai. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan salicylic acid yang terlalu banyak boleh menyebabkan gejala seperti pening, bunyi berdering di telinga, kehilangan pendengaran, berpeluh, sakit kepala, loya, muntah, pernafasan laju, kegelisahan, dan kekeliruan. Ia juga boleh menjejaskan tahap asid dalam badan dan fungsi otak.

Semasa menggunakan Mifulin Ointment

- Perkara yang perlu dilakukan
Guna ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi, dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Mifulin Ointment.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa menggunakan ubat ini.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Mifulin Ointment kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
Mifulin Ointment mengandungi camphor (kapur barus). Oleh itu elakkan penggunaan secara terus ke dalam lubang hidung, terutamanya pada kanak-kanak. Jumlah yang kecil digunakan dengan cara ini boleh menyebabkan hilang kesedaran secara tiba-tiba. Berhati-hati apabila kanak-kanak yang lebih tua dirawat dengan ubat ini.

Elakkan daripada terkena mata atau membran mukus.

Jika berlaku sebarang kerengsaan, atau keadaan kulit anda bertambah teruk atau tidak bertambah baik, sila berjumpa doktor anda sekali lagi dengan segera.

Berhati-hati apabila menggunakannya pada kawasan kulit yang luas.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Mifulin Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Produk ini boleh menyebabkan kerengsaan kulit (dermatitis) seperti kemerahan, kegatalan atau kulit yang meradang.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers

MIFULIN OINTMENT

Salicylic acid / Zinc oxide (12.5% w/w / 6% w/w)

Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Mifulin Ointment

- Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Lindungi daripada cahaya.
- Pastikan bekas tertutup rapat.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Salap licin putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Salicylic acid, zinc oxide.
- Bahan tidak aktif
Liquid paraffin, white soft paraffin, menthol crystal, camphor.

- Nombor MAL

MAL19912830X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

09/05/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)280425/00030